

RinsA CG 0.1

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Chlorhexidine Gluconate 0.1% w/v Irrigation Solution

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan RinsA CG 0.1
2. Bagaimana RinsA CG 0.1 berfungsi
3. Sebelum menggunakan RinsA CG 0.1
4. Cara menggunakan RinsA CG 0.1
5. Semasa menggunakan RinsA CG 0.1
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan RinsA CG 0.1
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

APAKAH KEGUNAAN RinsA CG 0.1?

RinsA CG 0.1 adalah larutan antiseptik *Chlorhexidine Gluconate* 0.1% w/v yang digunakan untuk irigasi kulit dan luka atau pembalut untuk mencegah dan mengawal jangkitan. RinsA CG 0.1 juga digunakan dalam bidang kebidanan dan mencegah jangkitan kuman pada luka terbakar dan luka pada kulit.

BAGAIMANA RinsA CG 0.1 BERFUNGSI

RinsA CG 0.1 adalah ejen untuk membunuh bakteria melalui sentuhan. Ia digunakan untuk menghalang jangkitan dengan cara memusnahkan mikroorganisma pada kulit. Ia bertindak dengan cara membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

SEBELUM MENGAMBIL RinsA CG 0.1

Bila tidak boleh menggunakan RinsA CG 0.1

Jika anda mempunyai alahan kepada *Chlorhexidine Gluconate* atau bahan-bahan lain seperti yang tersenarai dalam bahagian Maklumat Lanjut.

Sebelum mula menggunakan RinsA CG 0.1

RinsA CG 0.1 adalah untuk kegunaan luar sahaja. Jangan gunakan untuk suntikan.

RinsA CG 0.1 hanya boleh digunakan pada kulit dengan lembut. Apabila larutan tersebut digunakan secara kasar pada

kulit yang sensitif atau selepas penggunaan yang berulang-ulang, ruam, keradangan, gatal-gatal, kulit kering dan mengelupas serta rasa sakit boleh berlaku. Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, penggunaan RinsA CG 0.1 hendaklah dihentikan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau jururawat jika anda pernah mengambil vaksin atau suntikan ujian kulit (ujian tampalan untuk menguji alahan).

Garam klorheksidin tidak sesuai dengan sabun dan bahan anionik yang lain.

CARA MENGGUNAKAN RinsA CG 0.1

Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ianya mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Ampul sekali guna ini hanya untuk tujuan irigasi dan tidak boleh diambil secara mulut atau diberikan secara *parenteral*.

Bilas kawasan jangkitan dengan air bersih. Basuh dengan lembut pada kawasan tersebut dengan jumlah RinsA CG 0.1 yang minimum. Selepas membilas dengan RinsA CG 0.1, bilas kawasan tersebut dengan air bersih sekali lagi.

Cadangan dos:

Bilas kawasan jangkitan dengan air bersih. Basuh dengan lembut pada kawasan tersebut dengan jumlah RinsA CG 0.1 yang minimum sekadar untuk mencuci luka dan basuh secara perlahan. Buang baki cecair selepas digunakan.

Bila dan berapa lama RinsA CG 0.1 perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya berlaku keracunan mulut yang tidak sengaja atau sengaja, *chlorhexidine* yang diambil melalui mulut adalah kurang diserap. Anda disyorkan untuk

mencairkan cecair yang masuk ke dalam mulut dengan segera dengan mengambil air (120 - 240mL) atau susu (tidak melebihi 15mL / kg pada kanak-kanak). Langkah-langkah sokongan juga adalah disyorkan.

Sekiranya cecair ini diberikan secara tidak sengaja melalui intravena, pemindahan darah mungkin diperlukan untuk mengatasi hemolisis.

SEMASA MENGGUNAKAN RinsA CG 0.1

Perkara yang perlu dilakukan:

Untuk kegunaan *cutaneous* (pada kulit). Untuk kegunaan luar sahaja.

1. Keluarkan ampul daripada kotak dan pastikan ianya bersih.
2. Ceraikan ampul dari blok dengan hati-hati. Jangan gunakan ubat yang terbuka atau berubah warna.
3. Pegang ampul secara menegak dan putar penutup tersebut untuk membukanya.
4. Buang ampul yang telah kosong. Buang baki cecair selepas digunakan.
5. Sebelum menggunakan RinsA CG 0.1, basuh kawasan jangkitan dengan air bersih. Tuang RinsA CG 0.1 dengan jumlah yang minimum ke kawasan jangkitan dan basuh dengan lemah lembut.
6. Setelah selesai membersihkan kawasan jangkitan dengan RinsA CG 0.1, bilas semula dengan air bersih.

Perkara yang tidak boleh dilakukan:

1. Jangan gunakan RinsA CG 0.1 jika ada kerosakan pada ampul.
2. Jangan gunakan berdekatan mata atau membran mukus kerana ia akan menyebabkan keradangan. Jika larutan tersebut terkena pada mata atau membran mukus, ia perlu dibasuh secepat mungkin dengan menggunakan air yang banyak.
3. Jangan guna pada luka yang terdedah atau kulit rosak.
4. RinsA CG 0.1 tidak boleh digunakan pada bahagian otak, *meninges*, mata atau gegendang telinga yang berlubang.
5. Ianya juga tidak harus digunakan pada rongga badan atau sebagai *enema*.
6. RinsA CG 0.1 juga tidak seharusnya digunakan sebagai

Rinsa CG 0.1

Chlorhexidine Gluconate 0.1% w/v Irrigation Solution

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

persiapan kulit pra-operasi untuk wajah atau kepala.

7. Jangan gunakan larutan ini secara kasar pada kawasan kulit yang sensitif. Selepas penggunaan berulang kali, tindak balas pada kulit akan terjadi seperti kemerahan atau keradangan, gatal-gatal, kering dan/atau kulit mengelupas dan sakit pada kawasan jangkitan. Sekiranya, pengguna mengalami tanda-tanda seperti di atas, hentikan penggunaan Rinsa CG 0.1.
8. Jangan suntik atau minum Rinsa CG 0.1. Jika anda terminum atau tersuntik Rinsa CG 0.1, sila rujuk doktor anda.

Jangan memberi Rinsa CG 0.1 kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

KESAN-KESAN SAMPINGAN

Seperti ubat-ubatan lain, Rinsa CG 0.1 juga boleh menyebabkan kesan sampingan. Walaupun bukan semua pengguna mengalaminya.

Alahan dan keradangan kulit disebabkan kandungan bahan dalam Rinsa CG 0.1 (*chlorhexidine gluconate*) sangat jarang dilaporkan.

Kemerahan, keradangan, gatal-gatal, kering dan/atau kulit mengelupas dan sakit boleh berlaku pada kawasan jangkitan. Hentikan penggunaan Rinsa CG 0.1 sekiranya mengalami tanda-tanda di atas.

Terdapat kes kerosakan kornea yang tidak dapat dipulihkan kerana interaksi dengan *chlorhexidine*. *Chlorhexidine* telah dilaporkan sebagai penyebab kepekakan apabila diperkenalkan ke dalam tengah telinga melalui gendang telinga yang berlubang.

Sekiranya kesan sampingan semakin serius, atau jika anda mendapati kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas, sila maklumkan kepada doktor atau jururawat anda secepat mungkin.

Berhenti menggunakan produk ini dan dapatkan bantuan rawatan dengan segera jika anda mengalami ruam, gatal-gatal, bengkak, kesukaran untuk bernafas, pening, atau degupan jantung laju.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.moh.gov.my [Public→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN Rinsa CG 0.1

Penyimpanan

- Jangan simpan pada suhu melebihi 30°C.
- Jauhkan daripada kanak-kanak.
- Jauhkan dari cahaya.

Pelupusan

- Rinsa CG 0.1 adalah ampul sekali guna. Buang semua kandungan yang tidak digunakan
- Jangan gunakan Rinsa CG 0.1 selepas tarikh luput yang dinyatakan pada ampul dan kotak.
- Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

MAKLUMAT LANJUT

Rupa dan warna produk

Rinsa CG 0.1 adalah cecair jernih yang berwarna biru yang dibekalkan dalam pek yang mengandungi 20 ampul 30 mL plastik ampul LDPE.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Chlorhexidine Gluconate
- Bahan tidak aktif
 1. *Methylene Blue*
 2. *Natrium Hidroksida*
 3. *Nonoxynol 10*
 4. *Air suntikan*

Nombor MAL
MAL19116029X

PENGILANG/PEMEGANG LESEN PRODUK:



AIN MEDICARE SDN. BHD.

Jalan 6/44, Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa 2, 16100 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
28/11/2024

Nombor Siri
NPRA (R2)19/41